

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	05 FEBRUARY 2017

'Jaga benih perpaduan dengan baik'

BH - 5/2/2017

→ PM mahu rakyat kekalkan hubungan kaum jamin keamanan, kemakmuran negara

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
hazwanfaisal@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak mengingatkan rakyat supaya menjaga dengan baik 'pokok atau benih perpaduan' yang ditanam oleh pemimpin terdahulu supaya Malaysia kekal sebagai negara yang aman dan makmur.

Menggunakan analogi pokok da-



Pokok (perpaduan) sudah ditanam 60 tahun dahulu dan pada hari ini rakyat dapat menikmati hasilnya dengan memetik buah-buahnya"

Najib Razak,
Perdana Menteri

mar minyak yang ditanamnya di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 2004, Perdana Menteri berkata pokok itu dijaga dan dibaja dengan baik sehingga menjadi sebatang pokok besar dan kukuh.

"Jaga pokok ini (perpaduan) sebaik-baiknya, letak baja dan siram, jangan sekali-kali kita nak tebang pokok yang kita tanam ini sebab kalau kita tebang, bagi anai-anai makan dan jika pokok ini rebah, maka kita sudah tiada tempat perlindungan sama sekali.

"Jika itu terjadi, bererti Malaysia akan menjadi sebuah negara yang gagal. Tetapi sebaliknya ia tidak berlaku, kita menjadi sebuah negara yang berjaya.

Perpaduan sejak 60 tahun dahulu

"Pokok (perpaduan) sudah ditanam 60 tahun dahulu dan pada hari ini rakyat dapat menikmati hasilnya dengan memetik buah-buahnya," katanya berucap pada sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut

Agama Sedunia di FRIM di sini, semalam.

Najib berkata, sebagai Perdana Menteri beliau komited untuk menjadikan Malaysia negara yang lebih berjaya pada masa akan datang.

Yang turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Joseph Kurup dan Datuk Seri Jamil Khir Baharom serta Pengerusi Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama, Datuk Azman Amin Hassan.

Perdana Menteri berkata, Malaysia pada hari ini adalah sebuah negara berbilang kaum dan agama yang bebas mengamalkan fahaman masing-masing berpandukan Perlembagaan.

Katanya, sekalipun Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa agama Islam ialah agama rasmi persekutuan, namun penganut agama lain boleh mengamalkan anutan mereka dengan aman dan damai.

"Kalau kita sebagai pewaris kepada

pengasas negara kita mempertahankan Perlembagaan itu, membawa makna dan mengukuhkan lagi semangat serta prinsipnya, maka percayalah nescaya negara kita akan dalam keadaan aman dan harmoni," katanya.

Konsep 1Malaysia

Jika pada zaman Tun Abdul Razak Hussein diperkenalkan Rukun Negara, Najib berkata pada zaman beliau disambung dengan konsep 1Malaysia.

"Kita tambah dengan konsep wasatiyyah, kesederhanaan yang dituntut Islam dan kita lanjutkan dengan apa saya cuba perkenalkan *moment of unity* (detik perpaduan).

"Jadi mari kita cari lebih banyak detik perpaduan. Umpamanya sambutan hari Krismás, Wesak, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Gawai dan Kaamatan sebagai sambutan kebangsaan. Walaupun jumlahnya kecil, kita raikan," katanya.